



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



TARIKH	SELASA, 4 MAC 2025
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	RASUAH IBARAT ANCAMAN HALIMUNAN, PERLU SEGERA REFORMASI INSTITUSI
M/S	12
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

12

Rencana

Selasa, 4 Mac 2025 B1

Rasuah ibarat ancaman halimunan, perlu segera reformasi institusi

• Rasuah merosakkan dari dalam dan memburuk tanpa disedari, tetapi memberi kesan parah meluas

• Seperti barah menghakis nilai kejujuran, merosakkan kualiti kehidupan, membunuh kebaikan yang sepatutnya tumbuh dalam sesebuah masyarakat



Naib Presiden
Pertubuhan
IKRAM Malaysia

Ustazah Prof Dr Hanim Salleh
bhrencana@bh.com.my

Rasuah yang menjadi 'amalan warisan', berakar umbi dalam sistem pentadbiran dan sosial hingga dianggap kebiasaan.

Bahkan dalam sesetengah keadaan, menjadi pelik sekiranya tidak memberi atau menerima rasuah sama ada secara sukarela atau terpaksa.

Lebih membimbangkan, rasuah bukan hanya membabitkan sejumlah kecil, bahkan skandal besar bernilai jutaan dan bilion ringgit tanpa tiada pertanggungjawaban seperti dinyatakan Ketua Pegawai Eksekutif Transparency International Malaysia (TI-Malaysia), Pushpan Murugiah.

Ternyata, rasuah masih menjadi cabaran utama membela negara pentadbiran dan kesejahteraan rakyat.

Bagi Malaysia, Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2024 diterbitkan TI menunjukkan negara kita kekal kedudukan ke-57 dengan skor 50 mata. Kedudukan ini masih jauh daripada sasaran negara untuk berada dalam 25 teratas menjelang 2033.

Hakikat kedudukan ini tidak berubah menunjukkan perlunya tindakan lebih agresif dan bersungguh-sungguh dalam memberantas rasuah. Kegagalan mencapai kemajuan memberi gambaran usaha dilakukan masih belum mencukupi atau kurang berkesan.

Jika berterusan, matlamat Malaysia mencapai kedudukan lebih baik dalam indeks itu akan terus menjadi impian sukar direalisasikan.

Menurut laporan CPI 2024, beberapa faktor menyumbang termasuk persepsi sektor perniagaan masih melihat rasuah sebagai isu utama belum dibendung sepenuhnya dalam sektor awam.

Ia lebih jelas apabila kes liabiliti korporat seperti Pristine Offshore pada 2021 dan Hydrosoppe pada 2023 masih belum menunjukkan perkembangan meyakinkan.

Organisasi komersial juga kurang mengambil berat mengenai kepentingan Panduan Tatacara Mencukupi pentadbiran telus dan berintegriti.

Ini menunjukkan reformasi institusi masih bergerak perlahan walaupun terdapat penekanan daripada pentadbiran semasa. Usaha menstruktur semula institusi utama masih belum memberikan impak signifikan.

Semakan semula hukuman dan pengurangan denda bagi kes berprofil tinggi turut menimbulkan persepsi campur tangan politik dalam badan kehakiman. Tindakan ini menimbulkan keraguan dalam kalangan rakyat mengenai keadilan sistem kehakiman di negara ini.

Pada masa sama, bilangan kes dilepas tanpa dibebaskan (DNA) yang tinggi bagi kes berprofil tinggi turut mencetuskan kebimbangan masyarakat. Ia menimbulkan persoalan sama ada keputusan ini dipengaruhi faktor politik atau sebaliknya.

Reformasi menyeluruh tutup ruang rasuah

Malaysia tidak boleh lagi bertangguh. Reformasi menyeluruh dalam sistem pentadbiran, institusi penguatkuasaan dan dasar negara amat diperlukan bagi menutup segala ruang memungkinkan berlakunya rasuah.

Antara langkah perlu diambil ialah meningkatkan keberkesanan sistem tadbir urus dalam perolehan awam dengan menggunakan piawaian antarabangsa untuk Pakatan Integriti dalam perolehan kerajaan bagi projek mega.

Disyorkan juga, kerajaan mewajibkan kelulusan Parlimen bagi projek berskala besar dengan dokumen soko-

ngan seperti laporan perancangan awal serta analisis keperluan dan faedah kos didedahkan kepada umum.

Ini bukan sahaja dapat memastikan ketelusan dalam perolehan awam, bahkan mengelakkan pembaziran dan ketirisan dana negara. Ketelusan dalam setiap aspek pentadbiran kerajaan sangat penting bagi memastikan kepercayaan rakyat dapat dikekalkan.

Usaha meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam agensi berkaitan kerajaan perlu dipertingkatkan seperti menghapuskan pelantikan politik dalam agensi berkaitan kerajaan, sekali gus memastikan setiap pelantikan dibuat berdasarkan merit dan kelayakan, bukannya hubungan politik semata-mata.

Kerajaan juga perlu menyediakan laporan lebih telus untuk projek gagal seperti projek Kapal Tempur Littoral. Kegagalan projek mega seperti ini perlu didedahkan terbuka bagi memastikan pihak bertanggungjawab dikenakan tindakan sewajarnya.

Penjawat awam juga perlu bertanggungjawab atas ketidakpatuhan dan salah laku berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Sebarang ketirisan dikesan dalam laporan perlu disiasat dan segera diambil tindakan.

Kerajaan juga perlu mewajibkan pengisytiharan harta semua pegawai awam dan Ahli Parlimen untuk memastikan semua yang terlibat dalam pentadbiran negara bebas sebarang unsur rasuah atau salah guna kuasa.

Antara langkah penting dalam reformasi undang-undang dan institusi ialah pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Ombudsman untuk menangani aduan terhadap agensi Persekutuan.

Ombudsman berfungsi secara bebas dan tidak terikat dengan mana-mana pihak akan dapat memastikan setiap aduan ditangani dengan adil dan saksama.

Pembentangan RUU Perkhidmatan Parlimen perlu dilakukan bagi memastikan pengasingan kuasa antara eksekutif, badan perundangan dan kehakiman benar-benar terjamin.

Tanpa pengasingan kuasa jelas, kebarangkalian campur tangan dalam sistem kehakiman akan tetap wujud.

Kerajaan juga perlu membentangkan RUU Pembiayaan Politik untuk mengawal selia dana politik. Hubungan antara ahli politik, perniagaan dan pembiayaan terus menjadi kabur tanpa undang-undang mengawal selianya.

Oleh itu, undang-undang lebih jelas dan tegas perlu

diperkenalkan bagi memastikan semua sumbangan politik dilakukan telus dan tidak disalahgunakan untuk kepentingan peribadi.

Pemberi maklumat perlu dilindungi

Pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 perlu disegerakan. Pemberi maklumat memainkan peranan penting mendedahkan amalan rasuah, namun mereka perlu diberikan perlindungan secukupnya agar tidak menjadi mangsa akibat tindakan itu.

Kita berharap RUU Kebebasan Maklumat demi ketelusan dibentangkan Julai ini seperti dijadualkan. Undang-undang ini penting bagi memastikan rakyat mempunyai akses kepada maklumat relevan dan tidak disembunyikan atas alasan kepentingan politik atau peribadi.

Pendidikan antirasuah di sekolah juga perlu diperhebat agar nilai integriti menjadi budaya generasi muda. Pendidikan membentuk sikap dan pemikiran seseorang. Oleh itu, usaha mendidik generasi muda mengenai kepentingan integriti perlu bermula dari peringkat sekolah.

Pada masa sama, kesedaran rakyat mengenai bahaya rasuah perlu ditingkatkan melalui kempen berterusan. Rakyat perlu memahami rasuah bukan sahaja merugikan negara, bahkan memberi kesan negatif kepada kesejahteraan hidup secara langsung.

Usaha mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi perlu ditingkatkan dengan menyediakan peluang pekerjaan adil dan menaikkan gaji penjawat awam ke tahap berpututan.

Jika penjawat awam menerima gaji setimpal dengan tanggungjawab mereka, kemungkinan terbahit dalam amalan rasuah akan berkurangan.

Memberantas rasuah memerlukan reformasi struktur kukuh serta perubahan sistem ekonomi dan sosial menyeluruh untuk mengelakkan negara daripada terus dibelenggu ketidakcekapan pentadbiran, ketidakadilan ekonomi dan kemerosotan sosial.

Rasuah ibarat ancaman halimunan yang merosakkan dari dalam dan memburuk tanpa disedari tetapi memberi kesan parah meluas.

Ia seperti barah menghakis nilai kejujuran, merosakkan kualiti kehidupan dan membunuh kebaikan yang sepatutnya tumbuh dalam sesebuah masyarakat. Masa depan negara bergantung kepada keberanian kita untuk melakukan perubahan ini tanpa berlengah lagi.



DISEDIAKAN
OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM